



ADAT BERSENDI SYARAK, SYARAK BERSENDI KITABULLAH: PENGHARMONIAN MANHAJ AHLIS SUNNAH WAL JAMA'AH DALAM ISTIADAT PERMAKAMAN DIRAJA PERLIS

Hazman Hassan¹, Mohd Radzi Othman², Mohd Nazim Mohd Noor³

¹Universiti Utara Malaysia (UUM), ²Pertubuhan Ilmuan Malaysia (iLMU)

³Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)

¹hazman@uum.edu.my, ²moradzi@gmail.com, ³mohdnazim@maips.gov.my

ABSTRAK

Raja-raja Jamalullail Perlis yang dinasabkan kepada Ahl al-Bait Rasulullah Sallallahu 'Alaihi was Sallam, tidak terkecuali daripada memiliki Adat DiRaja yang tersendiri. Pada asalnya Adat DiRaja Kerajaan Perlis memiliki pengaruh Adat DiRaja Kesultanan Kedah yang ketara. Hal ini mula terjadi menerusi perkahwinan antara Tuan Syed Harun Jamalullail iaitu ayahanda kepada Tuanku Raja Syed Hussein Jamalullail (Raja Perlis pertama), dengan Tunku Sofiah Binti Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II (anakanda Raja Muda Kayang serta Sultan Kedah yang kedua puluh satu). Seterusnya Adat DiRaja Kerajaan Perlis turut dipengaruhi unsur-unsur adat-istiadat Barat hasil modenisasi yang dijalankan di negeri ini. Meskipun begitu, Adat DiRaja Kerajaan Perlis telah mengalami transformasi yang unik apabila Agama Islam bermanhaj Ahlis Sunnah Wal Jama'ah dengan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai tonggakunya, telah dikanunkan sebagai Agama Negeri dalam Artikel 5 bagi Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948. Bak kata perbilangan 'Adat Berwaris Kepada Nabi', penghayatan kepada Artikel 5 ini menyebabkan Adat DiRaja Kerajaan Perlis telah dinilai semula dan diubahsuai supaya serasi dengan manhaj Ahlis Sunnah Wal Jama'ah. Justeru makalah ini cuba memetakan pengharmonian manhaj Ahlis Sunnah Wal Jama'ah dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948 dengan Adat DiRaja Kerajaan Perlis. Sebagai fokus, perhatian khusus ditumpukan kepada perbandingan antara Istiadat Permakaman DiRaja Pra-Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948 dengan Istiadat Permakaman DiRaja Pasca-Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948.

Kata Kunci: Adat Istiadat, Kerajaan Perlis, Islam, Raja, Permakaman

PENGENALAN

Adat adalah peraturan yang diamalkan turun-temurun semenjak dahulukala. Pengamalan adat dalam sesebuah masyarakat kadang-kadang begitu sehati sehingga menjadi hukum yang perlu dipatuhi. Adat boleh dibahagikan kepada empat kategori. Yang keempat ialah 'adat istiadat' atau disebutkan istiadat sahaja. Istiadat adalah acara yang diamalkan secara formal. Istiadat memastikan supaya aturan 'adat yang teradat' dan 'adat yang diadatkan' sentiasa tepat, benar dan adil. Asalnya Adat DiRaja Kerajaan Perlis memiliki pengaruh Adat DiRaja Kesultanan Kedah yang ketara. Hal ini mula terjadi menerusi perkahwinan antara Tuan Syed Harun Jamalullail selaku Penghulu Arau pertama dengan Tunku Sofiah. Tunku

Sofiah binti Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II iaitu anakanda Raja Muda Kayang serta Sultan Kedah yang kedua puluh satu. Seterusnya Adat DiRaja Kerajaan Perlis turut dipengaruhi unsur-unsur Adat Istiadat Barat hasil modenisasi yang dijalankan di negeri ini. Proses ini bermula apabila Raja Perlis keempat iaitu Raja Syed Alwi Ibni Syed Saffi Jamalullail dan Raja Perlis kelima iaitu Raja Syed Hamzah Ibni Syed Saffi Jamalullail menerima pendidikan barat. Baginda berdua bersekolah di Saint Xavier Institution Pulau Pinang. Selain itu, perhubungan yang terjalin antara Kerajaan Perlis dengan Kerajaan British di Negeri-negeri Selat serta di Negeri-negeri Melayu Bersekutu juga memperhebatkan lagi pengaruh Adat Istiadat Barat dalam Adat DiRaja Kerajaan Perlis. Demikian juga, bernaungnya Negeri Perlis di bawah ketuanan British dengan termeterainya Perjanjian Bangkok tahun 1909 menjadikan proses modenisasi dan pembaratan tidak terbendung lagi. Merujuk kepada Istiadat Permakaman DiRaja dalam Adat Diraja Kerajaan Perlis, istiadat ini merupakan tanda penghormatan terakhir yang diberikan oleh Istana Perlis dan rakyat Perlis kepada DYMM Tuanku Raja Perlis yang mangkat semasa dalam pemerintahan.

MANHAJ AHLIS SUNNAH WAL JAMAAH

DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Tuanku Syed Hassa Jamalullail sebagai Raja Perlis keenam telah mengasaskan perlembagaan Negeri Perlis yang pertama. Perlembagaan ini disebut sebagai Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis telah dikurniakan oleh baginda pada 1 Februari 1948. Inilah dokumen yang dianggap sebagai Perlembagaan Bertulis bagi Kerajaan Perlis buat julung-julung kalinya. Di dalamnya terkandung 78 perkara, yang antara terpentingnya adalah garis panduan pemerintahan baginda sebagai Raja Berperlembagaan. Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis ini selesai disempurnakan pada 26 Mac 1959. Upacara pengurniaan dan penetapan undang-undang tubuh ini turut disaksi dan ditandatangani oleh lima orang pembesar Perlis iaitu Syed Hussein Ibni Syed Zain Jamalullail, Dato' Laksamana Mohd. Razali Bin Mohd. Ali Wasi, Haji Ahmad Muhammad, Wan Ahmad Bin Wan Daud dan Syeikh Ahmad Mohd. Hashim.

Dalam Artikel 5 Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis dinyatakan Agama Negeri Perlis sebagai: "Agama bagi negeri adalah agama Islam Ahlis Sunnah Wal Jama'ah seperti telah diamalkan di dalam negeri". Selain daripada Artikel 5 di atas, terdapat lagi empat artikel menyebutkan frasa Ahlis Sunnah Wal Jama'ah dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis, khasnya yang berkaitan dengan kerabat DiRaja Jamalullail Perlis. Berikut adalah keempat-empat artikel yang dimaksudkan:

a. Artikel 14(1)

Fasal memilih dan mengangkat Raja kerana tiada keturunan atau enggan tiada mahu dipertetap Waris yang akhir sekali: "... Akan tetapi syaratnya orang yang hendak dipilih dan diangkat itu ialah seorang laki-laki yang cukup umur sempurna akal daripada bangsa Melayu Perlis dan rakyat Negeri Perlis dan beragama Islam Ahlis Sunnah Wal Jama'ah daripada darah yang baik".

b. Artikel 19: Kelayakan Raja

"Melainkan seperti yang disyaratkan di dalam Perkara 14, Raja itu hendaklah seorang daripada bangsa Melayu dan darah raja keturunan pemerintah-

pemerintah Negeri Perlis dan laki-laki dan beragama Islam Ahlis Sunnah Wal Jama'ah “.

- c. Artikel 20 (3): Pemangku Raja
“Ditegah tiada boleh diangkat siapa-siapa menjadi Pemangku Raja atau ahli Jemaah Pemangku Raja melainkan dia seorang Melayu beragama Islam Ahlis Sunnah Wal Jama'ah “.
- d. Artikel 29: Waris Diraja
“Waris itu hendaklah daripada bangsa Melayu keturunan Raja seperti yang disyaratkan di dalam Bahagian ini ialah seorang laki-laki dan beragama Islam Ahlis Sunnah Wal Jama'ah “.

Ini menjadikan Negeri Perlis sangat istimewa kerana telah memasukkan pegangan kepada manhaj Ahlis Sunnah Wal Jama'ah sebagai syarat kelayakan untuk kerabat DiRaja daripada jurai keturunan DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail boleh dilantik sebagai Bakal Raja, Raja, Pemangku Raja serta Waris DiRaja Kerajaan Perlis. Demi untuk memperjelaskan lagi tafsiran Ahlis Sunnah Wal Jama'ah dalam Undangundang Tubuh Kerajaan Perlis 1948, Jawatankuasa Syariah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah mengeluarkan fatwa yang mewartakan:

‘Pengertian Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah kumpulan orang Islam yang berpegang kepada al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para Sahabat yang bersepakat di atas kebenaran yang nyata dari Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w.’

Fatwa ini juga menegaskan pendirian MAIPs dan Kerajaan Perlis yang tidak terikat kepada mana-mana mazhab fiqh yang tertentu. Sebaliknya pandangan sebarang mazhab fiqh akan diterima berpandukan kesahihan dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang dibawakan oleh mazhab fiqh tersebut. Fatwa ini bersambung dengan kata-kata: ‘Majlis tidak terikat kepada mana-mana satu mazhab tertentu. Di dalam Mazhab mana pun yang jelas dan nyata pendapat mereka itu dari kitab Allah atau Sunnah Rasulnya atau Jemaah Sahabat Rasulullah s.a.w. maka Majlis sedia menerima dan beramal dengannya. Adapun Mazhab-mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali pada pandangan rasmi Majlis adalah terhitung di dalam Mazhab-mazhab yang muktabar yang tergolong di dalam istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Majlis Agama Islam Perlis memang berpandukan kepada Mazhab itu dan mengambil pendapat-pendapat mereka yang ada alasan daripada Al-Quran, As-Sunnah dan Jemaah Sahabat Rasulullah s.a.w.’

Justeru dalam fiqh, Kerajaan Perlis berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan paling tinggi dan utama, mengalakkan ijtihad dalam isu-isu kontemporari serta menolak taqlid. Pendirian ini dianggap revolusioner memandangkan di kesemua 13 negeri lain dalam Persekutuan Malaysia, mazhab Syafie adalah mazhab fiqh yang rasmi, dominan serta mengikat setiap Umat Islam di negeri tersebut.

Perjuangan untuk mendaulatkan manhaj Ahlis Sunnah Wal Jama'ah di bumi Perlis kini diterajui oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dengan

dibantu oleh agensi-agensi Kerajaan Perlis yang lain. Mewarisi tradisi yang dimulakan oleh ayahandanya DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin telah melantik anakandanya DYTm Tuanku Syed Faizuddin Putra sebagai Yang Dipertua MAIPs pada 14 Disember 2001 sehingga kini.

Istiadat Permakaman DiRaja Perlis Pra-Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948 dan Pasca-Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948

Perbandingan dijalankan terhadap:

- a. Istiadat Permakaman DiRaja Pra-Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948 yakni istiadat permakaman Raja Perlis keempat, DYMM Almarhum Tuanku Syed Alwi Ibni Almarhum Tuanku Syed Saffi Jamalullail. Baginda mangkat pada 2 Februari 1943. Sumber rujukan utama adalah dokumen 'Istiadat Permakaman DYMM Syed Alwi Ibni Almarhum Syed Safi Jamalullail' yang disusun oleh Tuan Syed Hussin Ibni Syed Saffi Jamalullail.
- b. Istiadat Permakaman DiRaja Pasca-Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948 yakni istiadat permakaman Raja Perlis keenam, DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Tuanku Syed Hassan Jamalullail. Baginda mangkat pada 16 April 2000. Sumber rujukan utama adalah dokumen 'Istiadat Permakaman DYMM Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail' susunan Dato' Setia Bentara Hamzah Bin Abdullah.

Perbandingan juga dibuat dengan beberapa naskhah sumber Adat Istiadat DiRaja pelbagai Kesultanan Melayu di Semenanjung. Ringkasan butiran perbandingan dibentangkan dalam bentuk jadual sebagaimana berikut:

Bil.	Proses/ Perkara	Istiadat Permakaman DYMM Tuanku Syed Alwi Tahun 1943	Istiadat Permakaman DYMM Tuanku Syed Putra Tahun 2000
1	Kod Pakaian	<ul style="list-style-type: none"> • Wujud Kod Pakaian 	<ul style="list-style-type: none"> • Wujud Kod Pakaian. • Pakaian Melayu berwarna • hitam digantikan dengan warna putih. • Tidak ada perbezaan pakaian antara Kerabat DiRaja dengan rakyat jelata berbangsa Melayu • Golongan Haji tidak ditetapkan untuk memakai jubah • Pemakaian selendang kuning untuk pembawa jenazah ditiadakan. • Pemakaian lilitan putih pada songkok tanda berkabung ditiadakan • Pemakaian pakaian berwarna hitam yang labuh dan bersesuaian untuk Orang bukan Islam ditetapkan. • Kakitangan istana dan Kerajaan

**ADAT BERSENDI SYARAK, SYARAK BERSENDI KITABULLAH:
PENGHARMONIAN MANHAJ AHLIS SUNNAH WAL JAMA'AH
DALAM ISTIADAT PERMAKAMAN DIRAJA PERLIS**

			Negeri yang terlibat langsung dengan kerja-kerja dalam istiadat permakaman tidak ditetapkan untuk memakai kain tetampun kuning
2	Perisytiharan Kemangkatan	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dinyatakan 	<ul style="list-style-type: none"> • Dinyatakan dengan terperinci • Tiada tembakan meriam dilakukan sebagai pemberitahuan
3	Jenazah dibawa ke Istana Rasmi	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak diperlukan 	<ul style="list-style-type: none"> • Dinyata dengan terperinci. • Jenazah dibawa pulang dengan penghormatan tradisi ketenteraan
4	Jenazah disemadikan untuk diberikan penghormatan terakhir	<ul style="list-style-type: none"> • Jenazah masih diziarahi selepas Solat Jenazah. • Dif paling kehormat adalah Tuan Chogan Katka 	<ul style="list-style-type: none"> • Jenazah diziarahi hanya sebelum persiraman. • Dif paling kehormat adalah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. • Tempat di mana jenazah disemadikan telah dinamakan Persada Maharaja DiRaja. • Bacaan al-Qur'an dibaca sebagai zikir, bukan untuk dihadiah pahalanya kepada Almarhum • Jenazah dijaga dengan tradisi ketenteraan • Tiada setinggi atau kemenyan dibakar
5	Jenazah disiram dan dikafan	<ul style="list-style-type: none"> • Dinyatakan secara ringkas 	<ul style="list-style-type: none"> • Dinyatakan dengan lebih terperinci • Penyiraman tidak dimula atau diiringi paluan Gendang Terinai DiRaja
6	Pemahsyuran Perlantikan Raja Baru	<ul style="list-style-type: none"> • Dinyatakan secara ringkas. • Raja Syed Hamzah menitahkan jenazah diusung 	<ul style="list-style-type: none"> • Dinyatakan dengan lebih terperinci. • Dimulakan dengan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dipengerusikan oleh YAM Tengku Syarif Bendahara. • Pemahsyuran tidak diiringi paluan Gendang Terinai DiRaja • Raja Syed Sirajuddin meletakkan tangan di atas keranda tanda perkenan untuk jenazah diusung
7	Jenazah diusung	<ul style="list-style-type: none"> • Usungan dinamakan Perusungan Raja DiRaja. • Di atas usungan terdapat 4 orang Kerabat DiRaja lelaki yang berdiri memegang payung kuning 	<ul style="list-style-type: none"> • Jenazah diusung dengan tradisi ketenteraan. • Usungan khas tiada pemegang payung kuning, bekas perasap dan air mawar. • Pengusung jenazah tidak memakai

		<ul style="list-style-type: none"> • Di atas usungan terdapat 4 orang wanita yang duduk memegang bekas perasap dan air mawar. • Jenazah diusung oleh 40 orang rakyat dari seluruh mukim dengan memakai selendang kuning. • Wakil-wakil kaum Cina, India, Siam dan Sikh yang bukan Islam mengambil bahagian dalam perarakan jenazah 	<p>selendang kuning.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah pengusung seramai 40 orang tidak ditetapkan • Wakil-wakil Orang Bukan Islam tidak ditetapkan untuk mengambil bahagian atau mengikut usungan jenazah • Pergerakan usungan tidak dimulai dengan tembakan meriam • Pergerakan usungan tidak dimulai atau diiringi oleh paluan Gendang Terinai DiRaja dan tidak oleh muzik pancaragam tentera • Pergerakan usungan tidak diiringi perarakan alat-alat kebesaran DiRaja • Pergerakan usungan tidak disertai hamburan sedekah dan bunga rampai sepanjang jalan ke Makam DiRaja
8	Solat Jenazah	<ul style="list-style-type: none"> • Dilaksanakan di Istana Arau 	<ul style="list-style-type: none"> • Dilaksanakan di Masjid Negeri dengan ribuan rakyat jelata mengambil bahagian • Tiada sedekah wang diberikan kepada Jemaah Solat Jenazah
9	Permakaman	<ul style="list-style-type: none"> • Dilaksanakan dengan hadirin duduk di atas tanah kubur Makam DiRaja. • Pasukan Keisatsukan memberi hormat sebelum talqin dibaca. • Disusul dengan talqin oleh Kadi Besar 	<ul style="list-style-type: none"> • Dilaksanakan tanpa hadirin duduk di atas tanah kubur Makam DiRaja. • Tiada bunga yang ditabur dan tiada air mawar disiram. • Ditutup dengan doa dan tazkirah tanpa talqin oleh Mufti Kerajaan. • Tiada tradisi ketenteraan seperti pemberian hormat, tiupan bugle, lagu Last Post dan tembakan segerup senapang 3 kali berturut-turut dilaksanakan • Tiada hadiah bunga emas dan bunga perak diedarkan kepada dif-dif kehormat • Penurunan jenazah ke liang lahad tidak diiringi paluan Gendang Terinai DiRaja
10	Kenduri Arwah	<ul style="list-style-type: none"> • Dilaksanakan Kenduri Arwah di Istana Arau dan sedekah pahala bacaan al-Qur'an selama 40 hari di Makam DiRaja dengan diketuai oleh Kadi Besar 	<ul style="list-style-type: none"> • Kenduri Arwah dan sedekah pahala bacaan al-Qur'an tidak dilaksanakan

**ADAT BERSENDI SYARAK, SYARAK BERSENDI KITABULLAH:
PENGHARMONIAN MANHAJ AHLIS SUNNAH WAL JAMA'AH
DALAM ISTIADAT PERMAKAMAN DIRAJA PERLIS**

11	Negeri Berkabung	<ul style="list-style-type: none"> Selama 7 hari dengan lilitan putih di songkok. Kedudukan pengibaran Bendera Negeri tidak dinyatakan. Cuti separuh hari pada hari permakaman 	<ul style="list-style-type: none"> Selama 3 hari tanpa lilitan putih di songkok. Bendera Negeri dikibarkan separuh tiang selama 40 hari. Cuti sehari penuh pada hari permakaman Semua acara hiburan dan keramaian dibatal atau ditangguhkan
12	Binaan Makam Almarhum	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dinyatakan dalam dokumen Tuan Syed Hussin Jamalullail. Didirikan binaan Makam Almarhum dengan batu nisan khas 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dinyatakan dalam dokumen Dato' Hamzah Abdullah. Kecuali sepasang batu nisan dan kubur ditinggikan beberapa jengkal, tiada binaan makam didirikan
13	Wakaf dan Sedekah Almarhum	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dinyatakan dalam dokumen Tuan Syed Hussin Jamalullail. Tidak diketahui wakaf dan sedekah Almarhum 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dinyatakan dalam dokumen Dato' Hamzah Abdullah . Sebuah masjid dinamakan Masjid Tuanku Syed Putra telah diwakafkan dengan harta peninggalan Almarhum sebagai sedekah-jariah yang berterusan pahalanya
14	Hari Hol Almarhum	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dinyatakan dalam dokumen Tuan Syed Hussin Jamalullail Tidak diketahui bahawa peringatan ulang tahun kemangkatan Almarhum diadakan 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dinyatakan dalam dokumen Dato' Hamzah Abdullah . Hari Hol Almarhum tidak diperingati

PENGHARMONIAN MANHAJ AHLIS SUNNAH WAL JAMA'AH DALAM ISTIADAT PERMAKAMA DIRAJA PERLIS

Hasil daripada pengaruh manhaj Ahlis Sunnah Wal Jama'ah dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis, Istiadat Permakaman DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Tuanku Syed Hassan Jamalulail telah dijalankan dengan tiga (3) pendekatan utama seperti:

- Meniadakan amalan yang tidak berasal daripada ajaran Islam khususnya yang bersumberkan ajaran agama dan kepercayaan selain Islam. Misalnya tidak mengusung jenazah Almarhum dan menurunkan jenazah Almarhum ke liang lahad dengan iringan sebarang jenis muzik.
- Memastikan setiap amalan yang dijalankan mempunyai dasar yang sahih, rajah (kukuh) dan afdal (paling terbaik) berpandukan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah.

- Misalnya digalakkan seramai mungkin rakyat memberikan penghormatan terakhir untuk mendoakan Almarhum serta mendirikan Solat Jenazah di Masjid Negeri Arau.
- Mengubahsuai amalan yang sedia ada dengan penambahbaikan berpandukan dalildalil al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Misalnya tempoh berkabung atas kemangkatan Almarhum ditetapkan selama 3 hari sahaja. Amalan ini disesuaikan dengan hadith Nabi SAW yang bermaksud: 'Tidak halal bagi seorang wanita yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat untuk berkabung oleh sebab kematian melebihi 3 hari, kecuali oleh sebab kematian suaminya sendiri, iaitu berkabung 4 bulan 10 hari' (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

RUMUSAN

Istiadat Permakaman DiRaja bukan sekadar adat, malah ia merupakan ibadah yang dilaksanakan sebagai tuntutan Fardu Ain dan Fardu Kifayah menurut perintah Allah dan suruhan Rasul-Nya. Justeru Istiadat Permakaman DiRaja merupakan satu istiadat yang perlu memenuhi dua syarat diterimanya ibadah di sisi Allah. Dalam manhaj Ahlis Sunnah Wal Jama'ah, dua syarat ibadah diterima oleh Allah adalah ibadah itu dilakukan ikhlas mencari keredaan Allah dan ibadah tersebut dijalankan bertepatan dengan Sunnah Rasulullah SAW.

Al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih adalah dua sumber utama kepada Adat DiRaja Perlis khususnya dan Adat Melayu umumnya. Kenyataan ini berpandukan kata perbilangan 'Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah' dan 'Adat Berwaris Kepada Nabi'. Adat DiRaja termasuklah Istiadat Permakaman DiRaja adalah sebahagian Adat Melayu yang bersifat dinamik dan fleksibel. Perubahan adat dilakukan dari semasa ke semasa berasaskan kata perbilangan:

*'Sekali air bah sekali pantai berubah
Kalau singkat minta disambung
Kalau panjang minta dikerat
Kalau koyak minta ditampal
Usang-usang diperbaharui
Lapuk-lapuk dikajangi
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang'*

Proses pengharmonian manhaj Ahlis Sunnah Wal Jama'ah dalam Istiadat Permakaman DiRaja Perlis dan amnya Adat DiRaja Perlis, secara adatnya adalah tepat dengan perbilangan 'Syarak Mengata, Adat Memakai'.